

**MAKHLUK MITOLOGI DALAM ARTIFAK BUDAYA IBAN:
*PUA KUMBU***

***MYTHOLOGICAL CREATURES IN IBAN CULTURAL ARTIFACTS:
PUA KUMBU***

Gregory Kiyai @ Keai

Abstrak

Kewujudan makhluk mitologi dalam kebudayaan tradisional masyarakat peribumi adalah merupakan sumber lisan yang telah wujud dalam masyarakat sejak turun-temurun. Bagi masyarakat Iban di Sarawak, mereka percaya akan wujudnya makhluk-makhluk mitologi ini dalam budaya mereka sehingga kekuasaan dan kesakralannya telah diadaptasi dalam artifak budaya Iban iaitu Pua Kumbu sebagai lambang kemegahan, kekuasaan dan kekuatan makhluk tersebut membantu masyarakat Iban dalam kehidupan di rumah panjang. Penyelidikan ini adalah bersifat etnografi yang menggunakan kaedah kualitatif dalam perolehan datanya iaitu dengan melakukan kerja lapangan, dokumentasi dan temu bual informan melalui kolektif memori. Fokus utama penyelidikan adalah merungkai dan memahami seni yang mengadaptasi imej makhluk mitologi dalam tekstil Pua Kumbu Iban. Hasil penyelidikan mendapati bahawa, motif makhluk mitologi dalam Pua Kumbu Iban bersifat sakral dan tinggi nilai estetikanya. Oleh itu melalui implikasi penyelidikan ini diharapkan mampu untuk memahami dan mengarkibkan pola pemikiran masyarakat Iban di Sarawak terhadap kewujudan makhluk-makhluk mitologi dalam budaya mereka sebagai warisan tidak ketara.

Kata kunci: Budaya, Iban, Makhluk Mitologi, Pua Kumbu, Sarawak

Abstract

The existence of mythological creatures in the traditional culture of indigenous peoples is an oral source that has existed in society for generations. For the Iban community in Sarawak, they believe in the existence of these mythological creatures in their culture so that their power and sacredness have been adapted in the Iban cultural artifact of Pua Kumbu as a symbol of grandeur, power and strength of these creatures in helping them in life in longhouses. This research is ethnographic in nature that uses qualitative methods in data acquisition. The main focus of the research is to dismantle and understand the art of adapting images of mythological creatures in Pua Kumbu Iban textiles. The results of the research found that, the motifs of mythological creatures in Pua Kumbu Iban are sacred and high in aesthetic value. Therefore, through this research, it is possible to understand and archive the thought patterns of the Iban community in Sarawak on the existence of mythological creatures in their culture as an intangible heritage.

Keywords: Culture, Iban, Mythological Creatures, Pua Kumbu, Sarawak

PENGENALAN

Kewujudan mengenai makhluk mitologi berdasarkan sumber tradisi lisan dalam budaya masyarakat peribumi bukanlah sebuah perkara yang baharu lagi, perkara ini telah wujud sejak dari zaman Mesopotamia dan Yunani dan diceritakan secara turun temurun dalam kelompok masyarakat, lalu dipercayai oleh mereka sejak bergenerasi. Walaupun kesahihan dan keberadaan akan wujudnya makhluk tersebut adalah sukar untuk dibuktikan secara nyata melalui penyelidikan ilmiah, namun idea akan kewujudannya sangat kuat dalam kepercayaan masyarakat. Masyarakat peribumi yakin melalui perspektif budaya mereka bahawa makhluk mitologi ini adalah berperanan penting dalam mengimbangi kosmologi manusia dan pencipta iaitu sebagai dewa, penjaga, penunggu dan pelindung kepada ketamadunan manusia. Mereka percaya bahawa keberadaannya tidak boleh dilihat melalui mata kasar manusia kerana haiwan tersebut hidup dalam alam ghaib berdasarkan kepada lokasi geografi yang sukar dicapai oleh akses manusia (langit, tanah, air dan gunung-ganang) serta mampu menjelma ke dunia manusia dengan pelbagai bentuk.

Dalam cerita rakyat masyarakat dunia, khususnya di China, Mesir Purba dan Nusantara terdapat pelbagai jenis cerita yang melibatkan makhluk-makhluk mitologi yang terkenal sebagai legenda dan mitos. Antaranya adalah Naga iaitu merupakan sebuah makhluk mitologi yang sangat terkenal dalam kebudayaan manusia, terutamanya bagi masyarakat Asia. Dalam budaya China, Naga digambarkan mempunyai tanduk seperti rusa jantan, berkepala besar, mempunyai bentuk tubuh yang panjang seperti ular, bersisik, mempunyai tapak kaki yang tajam seperti cengkaman harimau dan mampu untuk terbang ke langit. Dalam kepercayaan masyarakat China, naga dipercayai tinggal di syurga dan menjadi pembantu khas kepada dewa-dewi yang membawa lambang kemakmuran dan kekayaan (Yoswara et al. 2011). Selain itu, dalam mitologi kuno Mesir, masyarakat tersebut percaya akan kewujudan seekor burung Phoenix yang disebut sebagai burung keramat. Bentuk burung tersebut digambarkan memiliki bulu yang sangat indah dan berwarna merah dan emas. Mereka percaya bahawa, Phoenix adalah sebagai lambang abadi, simbol kitaran hidup dan kebangkitan daripada kematian kerana sifat burung tersebut yang akan membakar dirinya apabila tua dan akan berubah menjadi burung Phoenix yang lebih muda. Jangka hayat burung tersebut diperkirakan mampu hidup selama 500 sehingga 1461 tahun lamanya, dan burung tersebut telah diabdikan oleh masyarakat Mesir kuno kepada Dewa *Ra* iaitu Tuhan Matahari bagi kepercayaan kuno Mesir purba (Nigg 2021).

Dalam kebudayaan di Nusantara, kewujudan makhluk mitologi ini turut berkembang sejajar dengan kepercayaan masyarakatnya. Beberapa makhluk mitologi yang terkenal dalam budaya Nusantara adalah seperti Duyung. Makhluk mitologi Duyung dalam legenda Melayu adalah digambarkan sebagai seorang perempuan yang amat cantik namun memiliki bentuk badan seperti ikan dan hidup di laut dalam. Menurut legenda, Duyung sering memunculkan dirinya di atas permukaan air atau duduk di batu, dan kelibatnya selalu dilihat oleh para pelayar yang belayar. Selain Duyung, terdapat juga makhluk mitologi yang agak terkenal di Malaysia iaitu legenda ular besar di Pulau Langkawi. Mengikut kepada catatan sejarah Kedah, pegawai tentera British, Sherard Osborne semasa peristiwa Perang Kedah sekitar tahun 1838 pernah mencatatkan suatu peristiwa pelik mengenai kewujudan raksasa gergasi di pulau tersebut. Beliau mendapatkan kisah tersebut daripada penduduk tempatan yang mengatakan terdapat upacara pengorbanan manusia untuk dipersembahkan kepada ular besar yang lapar dan ganas. Sebagai balasan, makhluk mitologi tersebut akan menjaga perairan Kedah daripada diserang oleh pihak musuh (Maziar 2013).

Cerita tentang kekuatan luar biasa makhluk-makhluk mitologi ini turut ditemukan dalam tradisi lisan masyarakat Iban di Sarawak. Kumpulan etnik peribumi yang terbesar di Sarawak telah menyimpan kewujudan makhluk-makhluk mitologi ini dalam bentuk *jerita tuai* (cerita rakyat) dan *leka main* (kesusasteraan tradisional) dan telah diceritakan selama turun-temurun. Pengaruh makhluk mitologi ini turut dimanifestasikan dalam bentuk seni sehingga diadaptasi dalam penghasilan seni rupa dalam budaya benda masyarakat Iban terutamanya objek budaya seperti tekstil, ukiran dan anyaman. Tujuannya adalah sebagai sebuah kerangka idea bahawa makhluk mitologi ini mempunyai kedudukan yang tinggi dalam budaya masyarakat tersebut dalam membantu dan melindungi mereka berdasarkan kepada kepercayaan lama Iban. Oleh itu, penyelidikan ini akan membincangkan pengaruh makhluk

mitologi dalam konteks kebudayaan ketara iaitu artifak budaya Iban, Pua Kumbu dalam elemen seninya.

MITOLOGI DARIPADA BEBERAPA PERSPEKTIF

Konsep mitologi merupakan mitos keramat yang hidup dalam setiap budaya masyarakat. Kewujudan idea mitologi dalam budaya masyarakat dipengaruhi oleh aktiviti keagamaan dan kepercayaan masyarakat, terutamanya masyarakat tradisional atau masyarakat pra-celak huruf (*pre literature*). Sebahagian besar konsep mitologi ini akan dilingkupi dengan nilai sakral untuk mengukuhkan kedudukan dan kepercayaannya dalam kelompok masyarakat (Humaeni 2013).

Terma mitos adalah merupakan perkataan pinjaman daripada bahasa Greek iaitu *mythos* yang membawa makna yang setara dengan *tale* dan *speech*. Berdasarkan kepada pendefinisan yang dibuat oleh Gove pada tahun 1986 menyebutkan bahawa mitologi adalah sebuah kisah yang biasanya tidak diketahui asal-usul dan paling tidak sebahagiannya secara tradisional telah menjelaskan secara terang-terangan mengaitkan peristiwa bersejarah yang biasanya mempunyai watak untuk menjelaskan beberapa amalan, kepercayaan, institusi, atau fenomena semula jadi yang berkaitan dengan upacara dan kepercayaan agama (Zakaria et al. 2013). Selain itu, menurut Zakaria et al. (2013) berdasarkan kepada Hashim Awang (1985) menyatakan mitos adalah jenis cerita rakyat yang mengisahkan mengenai manusia atau makhluk dan peristiwa luar biasa luar daripada pemikiran logik manusia. Mitos juga merupakan unsur sastera yang sangat dominan dalam kebudayaan masyarakat dan inti patinya adalah untuk menonjolkan kehebatan, keanehan, kesaktian dan keajaiban cerita untuk menarik perhatian khalayak terhadap kisah-kisah tersebut.

Makhluk mitologi telah wujud dalam cerita rakyat semua negara sejak zaman kuno. Sebilangan besar daripada mereka diyakini tinggal di negara, kawasan atau habitat landskap tertentu sehingga telah membentuk masyarakat 'ekologi' yang beragam dan dapat disebut sebagai *mythobiocenoses* (Beconytc et al. 2014). Sudah tentu, dalam cerita rakyat akan mudah untuk terjebak dalam konsep zoologi kuno yang membahas tentang wujudnya makhluk-makhluk sakral dalam bentuk yang *hybrid* untuk menunjukkan kekuasaan, kesakitan dan kehebatan (Nissan 2011). Sejak dahulu lagi, peradaban manusia telah berkongsi dunia ini dengan kepelbagaian spesies flora dan fauna, dan mereka telah beradaptasi untuk saling menyokong dalam sistem pertumbuhan hidup dalam kelompoknya tersendiri. Oleh itu tidak hairanlah, dalam kebudayaan manusia, kumpulan-kumpulan haiwan tersebut telah diangkat untuk diberi penghormatan yang tertinggi dalam status sosial masyarakatnya. Perkara ini telah dibuktikan dalam peradaban kuno manusia apabila haiwan telah dilihat sebagai simbol dalam menentukan aras kualiti manusia. Contohnya, singa adalah sebagai simbol keberanian, serigala adalah simbol licik, dan ular adalah simbol pengkhianat (Allaby 2010).

Penyelidikan yang memfokuskan kepada mitologi, khususnya mitologi masyarakat peribumi adalah bertujuan untuk membangunkan ilmu budaya berdasarkan kepada tiga elemen iaitu membincangkan mitologi melalui kaca mata masyarakat peribumi, gambaran yang lebih komprehensif mengenai mitologi sesebuah etnik secara khusus dan penekanan pada hubungan antara mitos masyarakat dan konteks sosial dalam budaya mereka (Yang et al. 2005). Walaupun beberapa penyelidik barat seperti Janowski, Sather, Freeman, dan Sutlive ada membincangkan mengenai mitologi masyarakat Iban dalam penulisan mereka, namun penyelidik menyedari bahawa perspektif daripada masyarakat tempatan perlu untuk diketengahkan bagi mengimbangi sumber yang bersifat *Eurocentric* tersebut. Pandangan dan idea-idea penyelidik tempatan adalah merupakan sebuah representasi yang mewakili cara hidup, kepercayaan dan kebudayaan masyarakat peribumi, khususnya masyarakat Iban dalam cara mereka melihat kehidupan ini.

Seni adalah merupakan sebuah cabang ilmu yang abstrak dan memerlukan pendekatan yang holistik dalam memahami karya seni secara komprehensif. Konteks seni tersebut tidak hanya dilihat sebagai sebuah karya yang indah semata-mata namun turut memperhatikan inti pati yang menjadi aspirasi dan pemikiran dalam kecenderungan pengkarya atau penghasilnya dalam mengekspresikan karya seni yang bermutu tinggi. Ideologi dalam hasil seni adalah merupakan sebuah perkara yang tersirat yang membawa kesan, pesan dan pesanan dalam budaya masyarakatnya. Kesemua elemen-

elemen ini telah dipaparkan secara estetik melalui hasil produk atau objek yang telah dihasilkan (Priyatno 2015). Menurut Pradoko (2015) seni adalah usaha manusia untuk menciptakan bentuk-bentuk yang menyenangkan, yang mana bentuk tersebut dapat menterjemahkan perasaan keindahan dan dapat dipuaskan apabila harmoni dan kesatuan daripada bentuk-bentuk seni yang dihasilkan tersebut dapat dicapai melalui penciptaan karya atau objek.

Karya seni yang dihasilkan dalam kelompok masyarakat tradisional adalah dikenali sebagai material budaya (artifak budaya). Menurut Kiyai et al. (2020) dalam Arwan & Ahimsa (2004) benda-benda fizikal atau *material culture* yang merangkumi seluruh objek hasil ciptaan manusia yang terdiri daripada objek yang bersaiz agak kecil sehingga objek yang sangat besar. Selain itu, berdasarkan kepada Pearson et al. (2013) warisan budaya ditakrifkan sebagai produk atau hasil budaya fizikal daripada tradisi-tradisi yang berbeza serta prestasi-prestasi spiritual dalam bentuk nilai dari masa lalu yang menjadi elemen asas dalam jati diri sesuatu kelompok atau bangsa.

Material budaya mempunyai empat elemen penting iaitu (i) petanda nilai, (ii) petanda identiti, (iii) bentuk rangkaian kuasa dan (iv) tempat mitos. Kehadiran material budaya dalam budaya masyarakat adalah menjadi identiti masyarakat tersebut dalam mencitrakan amalan dan cara hidup mereka. Objek budaya material diberikan mesej mitos melalui isi naratif atau cerita yang mana proses pembentukannya adalah dipengaruhi oleh kekuasaan. Perwujudan kisah mitos dalam material budaya telah disebarkan melalui sistem komunikasi secara lisan selama bergenerasi. Wacana yang timbul daripada hubungan tersebut membentuk paradigma pemikiran yang mengubah tingkah laku masyarakat untuk bertindak balas terhadap objek budaya material tersebut (Pradoko 2015).

PUA KUMBU DALAM MASYARAKAT IBAN DI SARAWAK

Fokus perbincangan mengenai budaya benda dalam budaya masyarakat Iban terutamanya Pua Kumbu telah banyak dibahaskan oleh sarjana luar dan dalam negara. Menurut Klinsing & Usop (2020) dalam Tugang (2014) mengatakan Pua kumbu mempunyai tempat yang penting dan istimewa dalam masyarakat Iban di Sarawak. Pua Kumbu di anggap sebagai lambang identiti atau pengenalan diri masyarakat Iban. Masyarakat Iban percaya bahawa Pua kumbu memiliki kuasa spiritualnya yang tersendiri dan mempunyai hubungan dengan kuasa ghaib. Tenunan Pua Kumbu hanya boleh ditenun apabila seorang wanita itu mendapat perintah daripada Petara (tuhan) melalui mimpi. Terdapat pelbagai pantang larang dalam proses pembuatan dan juga pemilihan corak yang hendak di tenun, bermula daripada proses membuat benang sehingga kepada proses menenun Pua. Pua Kumbu adalah artifak Iban yang paling sakral dalam objek budaya Iban, kenyataan ini adalah berdasarkan kepada penulisan Anna Durin et al. (2011) motif seni tenunan yang terdapat pada pua kumbu adalah dicipta melalui pengaruh Ngayau, kerana menggunakan nama-nama dewa-dewa dalam cerita mitos Iban yang menjadi watak-watak berkaitan dengan kebudayaan Ngayau. Contoh motif-motif yang mengadaptasi nama-nama motif Ngayau adalah motif *Lelanjang Bungai Nuing*, *Gumbang Besimpan*, *Ringka Antu Pala*, *Lang Tuai*, *Sepit Api* dan motif *Gajah Meram* berdasarkan kepada buku yang diterbitkan oleh mendiang Datin Amar Margaret Linggi pada 2001 iaitu *Ties That Bind: Iban Ikat Weaving*


Umumnya, Pua Kumbu Iban tersebut telah dikenal pasti oleh masyarakat luar sejak kedatangan kolonial lagi sejak awal abad ke-18 dan ke-19 iaitu apabila Kolonial Belanda menjajah Kalimantan dan James Brooke menjajah Sarawak. Berdasarkan kepada Haddon & Start (2011) yang melihat kepada koleksi kain tenun Iban dalam pameran Sarawak di Muzium Arkeologi dan Etnologi di Cambridge. Koleksi kain tenun telah diperiksa bersama-sama dengan kain tenun Iban yang terdapat di Muzium British lalu dibuat perbandingan berdasarkan kepada gambar dan lakaran yang dibuat oleh sahabat mereka yang berada di Sarawak pada ketika itu. Hasil daripada penelitian tersebut telah menemukan sebilangan besar daripada reka bentuk dan corak yang terdapat dalam Pua Kumbu tidak disebutkan dengan jelas dalam inventori lepas. Selain itu, penggunaan nama-nama khusus (berdasarkan kepada kepercayaan penenun) dalam memperkenalkan kain tenun Iban menyebabkan tenunan tersebut sukar untuk dilabelkan secara seragam.

Berdasarkan kepada penyelidikan Heppell (2014) melalui bukunya iaitu *The Seductive Warp Thread. An Evolutionary History of Ibanic Weaving* telah mengusulkan tentang kisah evolusi pengembangan dalam tenun Iban. Berdasarkan kepada sastra dan sejarah lisan Iban, seni tenun Iban awalnya adalah merupakan pengembangan daripada teknik anyaman dan melalui analisisnya mengatakan bahawa tekstil Iban merupakan “bank memori yang sangat penting” dan menegaskan bahawa ikonografi mereka adalah berakar daripada ‘idea-idea kosmologi dan catatan sejarah penting yang dipegang dalam masyarakat’. Tekstil tenun Iban ‘hanya hiasan dan tidak membawa sebarang makna’ berdasarkan kepada temu bual beliau dengan penduduk tempatan iaitu Enyan anak Unsen. Melalui persepsi tersebut, tenunan Iban dari waktu ke waktu memainkan peranan yang paling menonjol dalam kebudayaan Iban terutamanya dalam Upacara Gawai, kelahiran, kematian, peperangan dan pemburuan kepala.

Menurut Kedit (2017) dalam sosial masyarakat Iban yang kompetitif, tenun adalah sebuah bidang di mana wanita harus berusaha keras untuk membuktikan dan mencapai keunggulan sosial, manakala kehebatan dan karisma lelaki Iban akan di nilai melalui peperangan. Tenunan dan Wanita Iban adalah ‘sebuah perlembagaan yang harus dalam mengembangkan cita-cita untuk menjadi seorang wanita yang lengkap dan ideal untuk bersaing dalam sistem pemeringkatan dalam kalangan wanita’ ini bermaksud, wanita Iban adalah wajib untuk mengasah diri mereka mahir dalam menenun agar dapat dikelompokkan dalam hierarki yang ditetapkan oleh masyarakat Iban.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Reka bentuk penyelidikan ini adalah berbentuk etnografi yang memfokuskan kepada makhluk mitologi Iban dalam seni tekstil Pua Kumbu. Kaedah penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kerja lapangan, dokumentasi dan temu bual. Analisis data utama adalah dengan menganalisis, memahami dan menginterpretasi artifak budaya masyarakat Iban iaitu Pua Kumbu yang menjadi koleksi dalam Muzium Sarawak.



Rajah 1. Kaedah analisis dan pengumpulan data

Kaedah dokumentasi dalam penyelidikan ini adalah menggunakan kamera DSLR (*digital single-lens reflex camera*) yang digunakan untuk menggambar motif-motif pua kumbu yang menjadi fokus dalam penyelidikan ini iaitu makhluk mitologi dalam budaya Iban. Manakala lokasi penyelidikan dijalankan dalam Muzium Sarawak yang menempatkan koleksi tekstil Pua Kumbu Iban iaitu di bahagian penstoran etnologi dan bahagian pameran koleksi Muzium Tekstil.

Kaedah penyelidikan selanjutnya adalah dengan melakukan temu bual terhadap 8 orang informan. Kaedah temu bual tersebut telah dilakukan menggunakan pensampelan bebola salji (*snowball sampling*) dan memfokuskan kepada masyarakat Iban yang memiliki kepakaran dalam sejarah dan budaya Iban seperti Lemambang (pendeta), tetua Iban, dan *Indu Ngar* (wanita yang mahir menenun). Kumpulan-kumpulan informan ini dipilih berdasarkan kepada pengetahuan dan pengalaman mereka berkaitan dengan sejarah Pua Kumbu serta nilai signifikannya kepada kebudayaan masyarakat Iban di Sarawak.


JENIS DAN MOTIF PUA KUMBU

Hasil cerapan mendapati bahawa, motif-motif mitologi yang melibatkan unsur-unsur haiwan yang dianggap sakral terdapat dalam tenunan Pua Kumbu masyarakat Iban. Motif makhluk mitologi yang dikenali sebagai motif zoomorf iaitu motif yang dihasilkan menyerupai bentuk haiwan. Ragam hias zoomorf yang diolah secara abstrak dalam tenunan Pua Kumbu adalah berkait rapat dengan kepercayaan masyarakat Iban terhadap kewujudan haiwan-haiwan sakral dalam kebudayaan mereka. Makhluk sakral tersebut digambarkan dengan bentuk hybrid yang mempunyai makna dan maksud yang tersendiri dalam kebudayaan masyarakat Iban dalam menjadi penanda dan petanda. Corak serta simbol haiwan dipercayai oleh masyarakat Iban memiliki kuasa luar biasa yang tersendiri, kekuatan dan kesakralan haiwan-haiwan tersebut adalah berdasarkan kepada jenis-jenis makhluk sakral dalam tradisi lisan yang diturunkan oleh masyarakat Iban selama bergenerasi.

Umumnya, tenunan motif-motif makhluk mitologi dalam seni tenunan Pua Kumbu tidak dilakukan sesuka hati melainkan mendapatkan mimpi daripada alam ghaib. Mimpi tersebut merupakan sebuah perintah mutlak daripada Petara (tuhan) yang harus dilaksanakan bagi menjamin kesejahteraan dan kedamaian hidup masyarakatnya. Corak-corak tersebut hanya dapat ditunen dan dihasilkan oleh wanita pakar yang disebut sebagai *Indu Ngar*. Pua Kumbu yang dihasilkan dalam kebudayaan masyarakat Iban merupakan sebuah objek seni yang penuh dengan estetika seni. Artifak tersebut dihasilkan berdasarkan kepada kearifan tempatan masyarakat Iban yang diwarisi sejak turun temurun. Melalui kepercayaan masyarakat Iban, ragam hias yang terdapat dalam Pua Kumbu adalah merupakan sebuah motif yang dipercayai diturunkan oleh tuhan dan dewa-dewi melalui mimpi.

Naga

Naga merupakan haiwan sakral yang dianggap tinggi darjatnya, kerana dipercayai mempunyai kuasa luar biasa yang tinggi. Menurut informan Datuk Sri Edmmund Langgu (2020) Naga selalu dikaitkan sebagai simbol keberanian, kemakmuran dan panjang umur. Atas sebab itulah, motif naga ini banyak diadaptasi dalam penciptaan artifak budaya masyarakat Iban seperti anyaman, ukiran dan tenunan. Dalam penghasilan motif naga dalam tenunan Pua Kumbu, olahan bentuk naga direka secara abstrak iaitu melalui pengulangan garisan dan komposisi. Motif Naga dipercayai sebagai motif yang paling taboo dan tinggi dalam status rekaan motif kain dan pua Iban. Motif *Naban* hanya boleh ditunen oleh wanita yang telah menyelesaikan tujuh jenis corak kain tenun yang bukan bermotifkan *Naga* (Temu bual Datuk Sri Edmmund Langgu 2020). Gambar 1 merupakan contoh bentuk naga yang terdapat dalam tenunan Pua Kumbu.




Gambar 1. Motif Naga (Jabatan Muzium Sarawak 2019)

Nabau

Motif *Nabau* iaitu ular yang besar dalam keadaan menjalar. Menurut informan Sulang Rumpang (2020) berdasarkan kepada kepercayaan masyarakat Iban, Nabau digambarkan sebagai makhluk Petara (tuhan) yang berkepala naga dengan mempunyai tujuh lubang hidung, bersisik dan bersaiz panjang serta besar. Selain itu, Nabau dipercayai mempunyai kesakitan yang sendiri dalam menjelmakan dan mengubah bentuknya bagi menyembunyikan identiti asalnya. Kadang kala, Nabau menjelmakan dirinya menjadi sebuah batuan yang besar atau kayu balak yang panjang (Temu bual Sulang Rumpang 2020). Menurut informan Laman Atong (2020) Nabau selalunya akan hadir dalam mimpi masyarakat Iban untuk memaklumkan kedatangannya dalam penempatan masyarakat Iban, kedatangan Nabau dipercayai akan membawa sebuah kejadian yang penting seperti banjir besar atau kemarau yang berpanjangan. Bagi individu yang bertuah dapat melihat Nabau menjelmakan diri semasa banjir besar dan dipercayai sesiapa yang dapat melihat kewujudan makhluk sakral tersebut dengan jelas akan menerima tuah yang berlimpah ruah dan kekayaan yang berterusan (Temu bual Laman Atong 2020).

Dalam seni rekaan artifak budaya Iban, motif Nabau dipercayai sebagai kuasa pelindung dan keselamatan dalam kebudayaan Iban terutamanya apabila melakukan upacara adat dan ritual seperti upacara belian (perubatan tradisional Iban) dan upacara *Nyabak* (upacara meratapi kematian). Menurut informan Biah Ngang (2020) apabila melakukan upacara *Nyabak*, *Tukang Sabak* (wanita yang meratapi kematian) dan *Manang* (bomoh) akan menggunakan *Pua Kumbu* yang memiliki motif-motif yang hidup adalah satu simbolik yang dipercayai menjadi sayap untuk pengangkutan mereka dari alam manusia ke alam kematian. Selain itu, pemilihan *pua kumbu* yang mempunyai motif-motif yang hidup seperti motif figura dan haiwan sakral akan digunakan sebagai pelindung nyawa mereka semasa melintasi dunia manusia dan alam ghaib. Pemilihan motif-motif tersebut adalah dipercayai berasal daripada pemberian dewa-dewi daripada alam ghaib yang dikatakan dapat membantu dan melindungi masyarakat Iban daripada diganggu atau dilukai oleh semangat jahat (Temu bual Biah Ngang 2020).



Gambar 2. Motif Nabau (Jabatan Muzium Sarawak 2019)

Berdasarkan kepada gambar 2 merupakan olahan motif Nabau mengikut interpretasi pembuat Pua Kumbu. Ragam hias yang dapat dikenal pasti dalam visual seni tersebut adalah gambaran secara abstrak seekor ular yang besar (Nabau) dalam keadaan menjalar dan bergerak. Selain itu, terdapat motif tumbuhan sebagai makanan kepada Nabau. Menurut informan Janet Rata Noel (2020) dalam kepercayaan masyarakat Iban setiap motif hidup yang dihasilkan haruslah disertakan sekali makanannya seperti binatang kecil dan tumbuh-tumbuhan agar tidak memudaratkan penghasilnya di kemudian hari. Penggunaan corak geometri seperti garisan dan bentuk bersegi turut kelihatan dengan jelas dalam ragam hias Pua kumbu sebagai hiasan sampingan dalam menambah nilai estetika dan keindahan objek budaya tersebut (Temu bual Janet Rata Noel 2020).


Menurut informan Suga Jaya (2020) menyatakan sebelum menenun motif Nabau dalam corak Pua Kumbu, kain yang digunakan untuk menenun haruslah dijemur selama tujuh hari tujuh malam dan menghala ke atas bintang dan bulan. Selama proses tersebut, penenun diwajibkan untuk tidur di luar rumah selama tempoh tujuh hari. Tujuannya adalah untuk memperoleh mimpi, namun jikalau si penenun tidak bermimpi atau mengalami mimpi buruk sepanjang tempoh tersebut maka niat untuk menenun motif *Nabau* itu hendaklah dibatalkan dengan serta merta. Perkara ini adalah berkait rapat dengan kepercayaan Iban yang percaya bahawa *Nabau* (ular besar) sebagai binatang yang dipuja kerana dapat melindungi mereka daripada bahaya dan merupakan simbol kekuatan serta kemakmuran (Temubual Suga Jaya 2020).

Baya

Baya adalah merujuk kepada motif buaya dalam seni tenunan Iban. Menurut informan Robert Menua Salleh (2020) dalam kepercayaan setempat terutamanya masyarakat Iban yang menetap di Batang Lupar, buaya dianggap bersangkut paut dengan keturunan nenek moyang mereka. Lagenda tersebut adalah bermula dengan kisah Bujang Senang iaitu seorang pahlawan Iban yang bernama Simalungun yang sangat hebat dalam aktiviti Ngayau sehingga digeruni oleh penduduk di sekitarnya. Kekebalan dan ketangkasnya telah dicemburui oleh pihak musuh sehingga memaksa mereka untuk menculik isteri Simalugun lalu memaksa isterinya untuk memberitahu rahsia kekebalan suaminya. Isteri Simalugun yang enggan mendedahkan kelemahan suaminya telah dicucuk menggunakan tombak lalu

meninggal dunia. Menyedari akan perkara tersebut, Simalugun menjadi marah dan membalas dendam akan kematian isterinya, namun kelemahannya dapat di hidu oleh pihak musuh iaitu tidak boleh berada dalam sungai kerana dapat melemahkan kekuatannya dalam pertempuran lalu mereka menolaknya ke dalam sungai. Walaupun bermati-matian melawan musuh, pahlawan Iban tersebut berjaya dikalahkan, mayatnya telah dibiarkan terapung bersama-sama isterinya di Batang Lupar. Namun disebabkan oleh kesaktian Simalugun, beliau telah disumpah oleh *antu* (semangat) dan dewa-dewi menjadi seekor buaya yang besar iaitu Bujang Senang. Sejak daripada peristiwa tersebut, Bujang Senang telah mengganas dan memburu semula pembunuh serta keturunan mereka di Batang Lupar. Cerita ini telah diceritakan secara turun-temurun masyarakat Iban bahkan telah diangkat menjadi sebuah cerita lagenda di Sarawak (Temu bual Robert Menua Salleh 2020).

Dalam rekaan motif Iban, menurut informan Jantan Umat (2020) motif buaya adalah sebagai simbol keberanian dan kepahlawanan terutamanya bagi lelaki Iban yang turun melakukan ekspedisi Ngayau. Sifat buaya yang ganas dan mampu bertahan dalam kesusahan telah memberikan inspirasi kepada pembuat artifak budaya terutamanya dalam ukiran, anyaman dan tenunan. Selain itu, figura buaya yang dianggap sebagai Petara telah mempengaruhi kecenderungan masyarakat Iban untuk menghasilkan motif haiwan tersebut dalam penghasilan objek budaya. Semangat buaya tersebut dipercayai mampu melindungi pemiliknya daripada malapetaka dan bencana yang tidak diingini (Temu bual Jantan Umat 2020).



Gambar 3. Motif Buaya (Jabatan Muzium Sarawak 2019)

Gambar 3 merupakan motif buaya yang diolah secara abstrak mengikut kepada pola pemikiran penghasil Pua Kumbu tersebut. Motif buaya tersebut telah dicipta secara berpasangan dan terdapat perbezaan dari segi saiz buaya tersebut bagi mewakili buaya jantan (bersaiz besar) dan buaya betina (bersaiz kecil). Selain itu, terdapat olahan motif yang nyata pada penghasilan sisik budaya. Pada bahagian kepala dan ekor, olahan sisik dihasilkan dengan motif yang kecil dan warna yang kurang menonjol, berbanding dengan sisik pada bahagian badan buaya yang agak menonjol dengan komposisi warna yang terang seperti warna hitam, merah, dan putih.

Engkarong

Engkarong adalah merujuk kepada sejenis cicak. Dalam kebudayaan dan kepercayaan Iban, cicak merupakan binatang yang disanjung seperti buaya dalam masyarakat Iban. Selalunya motif cicak akan ditunen di atas Pua yang besar dan lebar. Menurut informan Robert Salleh Menua (2020) pakar tradisi oral dan lisan mengatakan berdasarkan kepada cerita rakyat Iban, Engkarong adalah merupakan

jelmaan tuhan tanah iaitu Sempulang Gana seorang dewa pertanian yang bertanggungjawab dalam menjaga kesuburan tanaman masyarakat Iban. Dalam upacara Bumai (bertanam padi huma) masyarakat Iban akan memohon keberkatan kepada Dewa Sempulang Gana agar padi yang akan diusahakan kelak tumbuh subur dan memberikan hasil tuaian yang lumayan (Temu bual Robert Menua Salleh 2020).

Menurut informan Penghulu Tan (2020) Engkarong dalam kepercayaan Iban adalah membawa simbol *celap lindap, gayu guru gerai nyamai* iaitu simbolik kepada keharmonian, kesejahteraan dan panjang umur. Rumah panjang yang mendapat keberkatan daripada engkarong akan menjadi sejuk, teduh dan selesa untuk di diami (Temu bual Penghulu Tan Kayan 2020). Selain itu, menurut informan Jantan Umat (2020) dalam penanda dan petanda masyarakat Iban, sekiranya Engkarong ini masuk secara tiba-tiba ke rumah panjang adalah bertujuan untuk menyeru pahlawan Iban agar turun melakukan ekspedisi Ngayau. Engkarong turut dilihat sebagai simbol dan firasat penanda kemenangan kepada masyarakat Iban sekiranya mereka berhasrat untuk mengayau musuh (Temu bual Jantan Umat 2020)



Gambar 4: Motif Engkarong (Jabatan Muzium Sarawak 2019)

Dalam Pua Kumbu, motif Engkarong adalah merupakan motif Zoomorps. Berdasarkan kepada visual seni pada Gambar 4, reka corak engkarong merupakan unsur yang paling domain dan menonjol sebagai motif utama dalam Pua Kumbu. Terdapat beberapa motif-motif yang bersifat sampingan berbentuk simbol dan geometri seperti motif fauna iaitu pucuk rebung dan daun tumbuhan serta elemen-elemen garisan. Visual yang dapat diperhatikan dengan jelas dalam artifak budaya Pua Kumbu tersebut adalah motif zoomorf iaitu engkarong yang direka tidak statik dan

diwujudkan bergerak secara seiringan menghala ke satu arah. Unsur pergerakan tersebut dapat dilihat daripada lenggok tubuh motif yang di komposisi secara melenggok dan ekor yang berlingkar seolah-olah sedang bergerak dengan pantas. Penggunaan warna merah tua dan coklat telah menjadi asas warna dalam tekstil tersebut, manakala warna hitam dan putih adalah digunakan untuk menonjolkan bentuk dan motif dalam Pua Iban sebagai simbol kontra dan penegasan.

PUA KUMBU DALAM KONTEKS SOSIO BUDAYA MASYARAKAT IBAN

Pua Kumbu telah dipercayai secara turun-temurun oleh masyarakat Iban sebagai artifak budaya yang sangat sakral dan lambang pengenalan diri mereka dengan Tuhan dan kuasa-kuasa ghaib serta roh nenek moyang. Menurut informan Maria Liban (2020) makna 'Pua' yang bermaksud selimut dan "kumbu" adalah menyelimuti. Nilai-nilai estetika yang terdapat dalam Pua Kumbu telah menjadi daya tarikan utama bagi penyelidik untuk menyelidik seni tenun tradisional ini secara mendalam, kerana seni tenunan ini dilihat sangat unik dari segi proses pembuatan, penggunaannya dan kepercayaan dalam masyarakat (Temu bual Maria Liban 2020).

Berdasarkan kepada konsep penciptaan objek tradisional dalam budaya benda Iban, mereka percaya bahawa setiap objek budaya yang mereka miliki dan warisi adalah merupakan perintah daripada alam ghaib melalui mimpi dan petanda serta penanda. Perintah tersebut merupakan sebuah perintah yang mutlak dan harus dilaksanakan dengan sebaiknya bagi mengelakkan kemurkaan kuasa-kuasa ghaib yang mereka percaya sebagai Petara (tuhan), dewa-dewi, antu dan roh nenek moyang. Proses ini telah berlaku sejak ratusan tahun lampau dan diceritakan secara turun-temurun oleh nenek-moyang mereka dalam berbentuk sumber lisan. Umumnya, setiap artifak budaya yang diciptakan melalui mimpi, dipercayai oleh masyarakat tersebut mampu mendatangkan kebaikan, kesejahteraan, perlindungan dan kekayaan kepada pemiliknya berdasarkan kepada jenis-jenis motif yang mereka hasilkan dalam tenunan Kumbu.

Motif-motif seni yang terdapat dalam objek budaya Iban adalah berperanan besar dalam menentukan hierarki objek tersebut dalam sosial masyarakat Iban terutamanya motif-motif yang melibatkan unsur-unsur figura dan haiwan. Motif-motif tersebut dikenali sebagai motif yang hidup dan berkuasa dalam seni benda terutamanya tenunan pua kumbu Iban. Berdasarkan kepada kepercayaan masyarakat Iban, motif-motif yang hidup tidak boleh ditunen oleh individu biasa, melainkan mereka yang mahir dan telah diiktiraf kemahirannya dalam masyarakat. Motif hidup tersebut dianggap taboo dan sekiranya penunen yang belum mahir akan disumpah menjadi *alah ayu*¹. Selain itu, untuk menunen corak yang hidup dan tinggi statusnya, penunen perlu menyediakan piring² kepada kuasa-kuasa ghaib untuk membenarkan motif-motif hidup ditunen sebagai corak rekaan. Contohnya, penunen yang berniat untuk menunen motif-motif yang tinggi seperti motif Nabau (ular besar), maka beliau akan tidur di pelantar rumah selama 7 hari 7 malam bagi mendapatkan mimpi daripada Petara (tuhan). Walau bagaimanapun, bukan semua penunen yang bernasib baik untuk dapat dianugerahi kemampuan untuk menunen melainkan mereka yang *mabu antu*³ sahaja mampu menghasilkan karya tenun yang terbaik dan berkualiti.

Beberapa faktor utama yang dilihat mempengaruhi pola pemikiran masyarakat Iban terhadap kewujudan kekuasaan makhluk mitologi dalam kebudayaan mereka, pertama adalah alam sekitar. Alam sekitar telah menjadi habitat masyarakat peribumi itu sejak turun-temurun, di mana mereka membina penempatan masyarakat Iban iaitu rumah panjang berdekatan dengan kawasan sungai dan tanah rata serta dekat dengan hutan rimba. Tujuannya adalah bagi memudahkan proses pengangkutan dan sumber air melalui sungai serta mencari rezeki untuk menghidupkan diri serta keluarga sehari-hari dengan bersandarkan kepada sumber hutan. Selain menjadi penempatan masyarakat Iban, alam sekitar telah mengujudkan idea-idea bahawa setiap benda hidup dan mati seperti gunung, batu, pokok, sungai, langit dan tanah memiliki roh dan semangatnya yang tersendiri, masyarakat Iban percaya bahawa elemen-elemen yang terdapat dalam alam sekitar berupaya untuk berhubung dengan masyarakat Iban secara spiritual iaitu melalui mimpi dan petanda seperti bunyi burung dalam membantu dan membinasakan mereka. Oleh itu, setiap kejadian alam seperti banjir besar, kemarau dan ribut taufan, masyarakat Iban akan cenderung untuk membayangkan bahawa wujudnya makhluk-

makhluk besar, ganas dan berkuasa di setiap kejadian tersebut sehingga menimbulkan kemarahan yang begitu dahsyat.

Idea-idea yang terhasil daripada lingkungan alam sekitar memainkan peranan besar dalam mengujudkan kepercayaan tradisional masyarakat Iban atau Pengarap Lama. Agama tradisional Iban adalah berbentuk animisme yang meliputi kepercayaan kepada kewujudan alam ghaib dan kuasa luar biasa yang terdiri daripada petara-petara (tuhan), dewa-dewi, antu, semangat yang baik dan jahat, dan roh nenek moyang yang telah lama meninggal dunia. Dalam kosmologi Iban, mereka percaya bahawa Petara (tuhan) adalah pencipta alam nyata dan alam ghaib serta segala penghuni alam semesta yang dirujuk sebagai benda-benda hidup (termasuklah manusia) dan bukan hidup. Makhluk-makhluk mitologi ini turut dianggap sebagai ciptaan petara (tuhan) yang berfungsi sebagai penjaga dan pelindung kepada masyarakat Iban walaupun secara fizikalnya tidak dilihat oleh pancaindera mereka. Unsur animisme dalam agama tradisional Iban telah menyebabkan kepercayaan bahawa setiap objek yang dicipta oleh mereka melalui mimpi yang diberikan oleh Petara (pua kumbu misalnya) memiliki kuasa dan semangatnya masing-masing. Atas sebab itu, objek-objek dan semangat tersebut perlulah dihormati dan dipuja oleh masyarakat Iban melalui ritual-ritual tertentu seperti Miring (upacara memberi makan) dengan tujuan memohon kebaikan, pengampunan, kebenaran dan keharmonian serta untuk menjaga keseimbangan dan hubungan baik antara manusia dengan manusia, manusia dengan alam semesta dan manusia dengan kuasa luar biasa.

Faktor yang terakhir dalam mempengaruhi kewujudan makhluk-makhluk mitologi dalam budaya Iban adalah berakar daripada sumber lisan tradisional masyarakat Iban. Sejak dahulu lagi, tradisi lisan memainkan peranan penting dalam sosial masyarakat Iban sebagai tujuan berhibur, mendidik, medium komunikasi dengan alam ghaib dan sesama manusia serta sebagai cara mereka memanifestasikan idea-idea tentang kehidupan. Sumber-sumber lisan tersebut telah dikembangkan menjadi sebuah kesusasteraan tradisional sama ada berbentuk puisi, cerita rakyat dan lagu yang banyak menceritakan kewujudan makhluk-makhluk mitologi seperti naga, nabau (ular besar), dan buaya besar yang merupakan jelmaan daripada kuasa-kuasa ghaib yang sangat dekat dengan kebudayaan masyarakat tersebut. Tradisi lisan ini telah diceritakan selama turun-temurun dan sehati dalam kepercayaan masyarakat Iban akan keagungan dan sakralnya makhluk mitologi tersebut sehingga diadaptasi dalam seni ciptaan objek budaya mereka sebagai lambang kehormatan dan penghargaan. Proses ini berlaku secara berterusan sehingga membentuk identiti budaya masyarakat Iban sejak dari dahulu lagi dalam memanifestasikan kepercayaan mereka akan kewujudan makhluk-makhluk mitologi tersebut.

KESIMPULAN

Jelaslah bahawa kepercayaan terhadap makhluk-makhluk mitologi sangat kuat dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak, bahkan turut mempengaruhi pola fikir masyarakatnya dalam melakukan aktiviti kehidupan dengan lingkungan alam. Mereka sangat berhati-hati dengan alam sekitar kerana setiap perbuatan yang tidak baik dan tidak sopan boleh mendatangkan kemudaratan kepada diri sendiri dan seluruh komuniti tersebut di rumah panjang. Oleh itu, makhluk-makhluk mitologi ini berperanan penting dalam mengawal moral dan akhlak masyarakat Iban dalam menjalinkan hubungan sesama manusia, alam dan kuasa ghaib dalam membentuk perilaku yang pekerti dan menghormati antara satu sama lain.

Selain itu, kepercayaan masyarakat Iban terhadap kewujudan makhluk-makhluk mitologi dalam budaya adalah merupakan sebuah tempat untuk masyarakat tersebut menyandarkan harapan dan impian dalam meneruskan kehidupan. Senario ini adalah berkait rapat dengan kepercayaan tradisional iaitu *Pengarap Lama* yang meyakini bahawa wujudnya kuasa-kuasa ghaib yang lebih besar daripada kudrat manusia, dan kuasa tersebut hidup dalam lingkungan mereka. Lantaran itu, dengan mempercayai akan kewujudan makhluk-makhluk mitologi yang diyakini telah diciptakan oleh Petara (tuhan) adalah berupaya untuk membantu dan melindungi masyarakat Iban daripada bencana yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada mereka, mereka turut percaya bahawa makhluk mitologi ini mampu memberikan kekayaan dan kemakmuran kepada sesiapa yang bernasib baik melihatnya secara dalam mimpi atau jelmaannya pada masa-masa tertentu. Oleh itu, penyelidikan ini adalah

bertujuan untuk melihat kepercayaan masyarakat Iban di Sarawak terhadap makhluk-makhluk yang dianggap mitologi serta bagaimana kuatnya pengaruh kepercayaan tersebut sehingga diadaptasi ke dalam penciptaan objek budaya mereka yaitu Pua Kumbu. Selain itu, penyelidikan ini bertujuan untuk menyelami kepercayaan masyarakat peribumi di Pulau Borneo tersebut dalam cara mereka melihat alam sekitar dan kehidupan serta bagaimana mereka berhubung melalui sistem kepercayaan dan kebudayaan yang telah mereka warisi sejak turun-temurun sebagai identiti budaya peribumi di Sarawak.

RUJUKAN

- Arwan, T. & Ahimsa, P. 2004. *Jejak Masa Lalu: Sejuta Warisan Budaya*. Yogyakarta: Kunci Ilmu.
- Allaby, M. 2010. *Animals: From Mythology to Zoology*. New York: Infobase Publishing.
- Beconyté, G., Eismontaitė, A., & Žemaitienė, J. 2014. Mythical creatures of Europe. *Journal of Maps* 10(1): 53-60.
- Durin, A., Shah, Z.M., Helena, B., & Abdullah, M. G. 2011. Pengaruh Ngayau Atau Headhunting Dalam Penciptaan Motif-Motif Tekstil Pua Kumbu Masyarakat Iban di Sarawak. *Jurnal Melayu* 7: 303-313.
- Falarti, M.M. 2013. *Malay Kingship in Kedah: Religion, Trade, and Society*. USA: Rowman & Littlefield.
- Hashim Awang. 1985. *Glosari Mini Kesusasteraan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Jabatan Muzium Sarawak. 2019.
- Nissan, E. 2011. Sacred Monsters. Mysterious and Mythical Creatures of Scripture, Talmud and Midrash. *Fabula* 52(1): 153.
- Haddon, A. C., & Start, L. E. 2011. *Iban or Sea Dayak Fabrics and their Patterns: A Descriptive Catalogue of the Iban Fabrics in the Museum of Archaeology and Ethnology Cambridge*. UK: Cambridge University Press.
- Heppell, M. 2014. The seductive warp thread: An evolutionary history of Ibanic weaving. *Borneo Research Council* 45: 106-117.
- Humaeni, A. 2013. *Makna Kultural Mitos dalam Budaya Masyarakat Banten*. Indonesia: Antropologi Indonesia.
- Kedit, V. 2017. A chief's caveat, a Rajah's gift, a museum's treasure: journey of a 19th-century Iban textile called a Lebur Api from Borneo to the British Museum. *Borneo Research Bulletin* 48: 210-236.
- Kiyai, G., & Tugang, N. 2020. Artifak Budaya Masyarakat Iban: Warisan Dan Pusaka. *Jurnal Kinabalu* 26(1): 59-59.
- Klinsing, J., & Usop, C. 2020. The Iban's Community perceptions of Pua Sungkit Weaving at Batang Ai. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni* 8(2): 21-43.
- Nigg, J. 2021. *The Phoenix*. USA: University of Chicago Press.
- Pearson, M., & Sullivan, S. 2013. *Looking After Heritage Places*. Melbourne: Melbourne Univ. Publishing.
- Priyatno, A. 2015. *Memahami Seni Rupa*. Jakarta: Unimed Press.
- Pradoko, A.S. 2015. Semiotika Guna Penelitian Objek Kebudayaan Material Seni. *Imaji: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni* 13(2): 1-20.
- Tugang, N. 2014. *Pua: Identiti dan Budaya Masyarakat Iban*. Kota Samarahan: Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.
- Yang, L., An, D., & Turner, J.A. 2005. *Handbook of Chinese mythology*. California: Abc-clio.
- Yoswara, H., Santosa, I., & Haswanto, N. 2011. Simbol dan makna bentuk naga (Studi kasus: Vihara Satya Budhi Bandung). *Jurnal Desain FSRD ITB*, Bandung, 2.
- Zakaria, N., Mahiyaddin, R., & Baharudin, S.N.A. 2013. Cerita mitos dalam dua dunia. *Jurnal Peradaban Melayu* 8(1): 1-12.

SENARAI INFORMAN

- Datuk Sri Edmmund Langgu, tokoh politik dan pakar budaya Iban.
- Dr. Robert Salleh Menua, Pakar tradisi lisan Iban dan ketua penyelidik di *Tun Jugab Foundation/*
- Encik Sulang Rumpang, tetua Iban .
- Encik Laman Atong , tetua Iban.

Encik Jantan Umat, pesara guru dan penyelidik kebudayaan Iban di *Tun Jugah Foundation*.
Penghulu Tan Kayan, Penghulu kampung dan pakar dalam budaya Iban.
Puan Biah Ngang, tetua Iban dan pakar dalam menenun Pua Kumbu.
Puan Janet Rata Noel, kurator di galeri Tun Jugah dan pakar dalam menenun Pua Kumbu.
Puan Suga Jaya, tetua Iban dan pakar menenun Pua Kumbu.
Puan Maria Liban, tetua Iban dan pakar menenun Pua Kumbu.

Gregory Kiyai @ Keai
Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
Universiti Malaysia Sarawak
Co-responding: gregory_kiyai@yahoo.com

Diserahkan: 8 September 2021

Diterima: 1 Mac 2022

Diterbitkan: 30 April 2022

¹ Terjemahan: Alah Ayu bermaksud seseorang yang belum cukup ilmunya akan menyebabkan mereka disumpah oleh roh menjadi sakit sehingga membawa kematian.

² Persembahan berisi makanan sebagai korban untuk dipersembahkan kepada kuasa-kuasa ghaib bagi memohon restu dan pemberkatan.

³ Mabuh Antu bermaksud, seseorang yang dekat dengan kuasa-kuasa ghaib dan sering memperolehi keberkatan, kejayaan dan kemasyuran dalam hidupnya.